

AIS kukuhkan sistem agihan zakat

Pertama perkenalkan PPMZ, bina keupayaan asnaf

SINAR HARIAN
8/11/2023
M/S: 08

Alliance Islamic Bank (AIS) mengorak langkah mengukuhkan lagi sistem pengagihan dana zakat di negara ini dengan memperkenalkan program pembiayaan mikro yang mampu memperkisasakan taraf sosioekonomi golongan asnaf.

Pertama di Malaysia, pembiayaan yang dikenali Program Pembiayaan Mikro Zakat (PPMZ) itu berfungsi menghulurkan bantuan modal kepada golongan asnaf untuk memulakan perniagaan dan keusahawanan mereka.

Dengan pembiayaan yang patuh syariah, PPMZ berupaya memainkan peranan membebaskan golongan asnaf daripada kemiskinan sekali gus menjadikan mereka pembayar zakat pada masa depan.

"AIS akan menerima dana zakat wakalah daripada institusi zakat yang mana dana tersebut akan diperuntukkan untuk tujuan pembiayaan PPMZ. Pembiayaan tersebut dilaksanakan berdasarkan prinsip Qard iaitu pinjaman tanpa faedah," jelas Ketua Pegawai Eksekutif AIS, Rizal IL-Ehzan Fadil Azim dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam kenyataan itu, AIS memaklumkan bahawa para asnaf yang telah menerima pembiayaan dari PPMZ dan telah berjaya menjana pendapatan melalui perniagaan dan keusahawanan, boleh membuat bayaran balik secara ansuran yang tidak membebankan mereka yang mana tiada sebarang caj



RIZAL IL-EHZAN

AIS akan menerima dana zakat wakalah daripada institusi zakat yang mana dana tersebut akan diperuntukkan untuk tujuan pembiayaan PPMZ. Pembiayaan tersebut dilaksanakan berdasarkan prinsip Qard iaitu pinjaman tanpa faedah."

tambahan dan faedah dikenakan kepada mereka.

"Dana zakat ini akan diagihkan semula dalam bentuk pembiayaan mikro kepada para penerima usahawan asnaf yang lain. Melalui kaedah ini, dana zakat dapat disalurkan secara berkali-kali seterusnya dapat memberikan manfaat berganda yang berterusan kepada komuniti usahawan asnaf," jelas kenyataan itu lagi.

Pembiayaan mikro zakat pertama kali diperkenalkan di Malaysia serta dibincangkan dalam buku "Zakat dan

Pembiayaan Mikro" yang diterbitkan hasil kerjasama AIS dengan beberapa pakar dalam pembiayaan sosial dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

AIS telah berganding bahu bersama beberapa orang penyelidik yang terdiri daripada ilmuan akademik dan individu yang terlibat di institusi zakat untuk membuat kajian dari perspektif Feqah dan Syariah.

Hasil penyelidikan telah dibentangkan dan dibincangkan di peringkat jawatankuasa fatwa negeri dan mereka

telah meluluskan serta mengharuskan pembiayaan mikro menggunakan dana zakat secara Qard (pinjaman tanpa faedah). Justeru, PPMZ merupakan inovasi yang memberikan manfaat kepada golongan asnaf merangkumi peningkatan pendapatan dan taraf hidup melalui aktiviti keusahawanan serta perniagaan selain membentuk golongan asnaf menjadi penyumbang zakat.

Pada masa sama, AIS turut menyasarkan pengagihan dana zakat berjumlah RM200,000 dalam pelaksanaan fasa perintis PPMZ yang meliputi 40 usahawan mikro asnaf.

